



**PELAKSANAAN E-INVOIS DI MALAYSIA**  
**SOALAN LAZIM (FAQ) BAGI OPERASI PETROLEUM**  
(DIKEMAS KINI PADA 18 JANUARI 2024)

| Bil. | Soalan                                                                                                                                                                                                                                                             | Maklum Balas                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | Apabila kontraktor di bawah Kontrak Perkongsian Pengeluaran ( <i>Production Sharing Contract – PSC</i> ) menjual minyak mentah kepada pembeli, apakah Nombor Pengenalan Cukai (TIN) yang perlu digunakan sebagai TIN Penjual (dan butiran Penjual yang berkaitan)? | <p>Memandangkan penjualan dilakukan antara kontraktor dan pembeli, TIN kontraktor yang diberikan untuk tujuan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) hendaklah digunakan sebagai TIN Penjual dalam e-Invois yang dikeluarkan, termasuk butiran kontraktor sebagai butiran Penjual.</p> <p>Sila ambil perhatian bahawa kontraktor dikehendaki memasukkan kod pengelasan (seperti yang dinyatakan dalam katalog data e-Invois) ke dalam e-Invois yang dikeluarkan kepada pembeli bagi menunjukkan transaksi tersebut berkaitan dengan operasi petroleum seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.</p> |

| Bil. | Soalan                                                                                                                                                                                                                                                                                  | Maklum Balas                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 2.   | <p>TIN yang manakah harus digunakan sebagai TIN Pembeli untuk kos yang ditanggung berkaitan dengan operasi petroleum?</p> <p>(i) Kos bersama (<i>joint costs</i>)<br/>(ii) Kos tunggal (<i>sole costs</i>)</p>                                                                          | <p>(i) Bagi kos bersama, TIN operator PSC yang diberikan untuk tujuan ACP 1967 hendaklah digunakan sebagai TIN Pembeli.</p> <p>(ii) Bagi kos tunggal, TIN kontraktor yang diberikan untuk tujuan ACP 1967 hendaklah digunakan sebagai TIN Pembeli, sekiranya perbelanjaan tersebut ditanggung semata-mata untuk kontraktor tersebut.</p> <p>LHDNM mengambil maklum akan cabaran dalam mengeluarkan e-Invois untuk caj semula kos bersama (<i>recharge of joint costs</i>) yang berkaitan dengan operasi petroleum di bawah PSC. Sehubungan itu, operator dan/ atau kontraktor PSC dikecualikan daripada mengeluarkan e-Invois untuk caj semula kos bersama tersebut sehingga dimaklumkan kelak.</p> |
| 3.   | <p>Bagi kes di mana beberapa PSC terletak dalam kawasan operasi yang sama (iaitu blok yang bersempadanan), TIN yang manakah harus digunakan sebagai:</p> <p>(i) TIN Penjual (untuk penjualan minyak mentah)<br/>(ii) TIN Pembeli (untuk kos yang ditanggung bagi operasi petroleum)</p> | <p>(i) TIN Penjual: TIN yang diberikan kepada kontraktor untuk tujuan ACP 1967 hendaklah digunakan sebagai TIN Penjual dalam e-Invois tersebut.</p> <p>(ii) TIN Pembeli: Bagi kos bersama, TIN operator PSC di kawasan bersempadanan yang diberikan untuk tujuan ACP 1967 hendaklah digunakan sebagai TIN Pembeli.</p> <p>Bagi kos tunggal yang ditanggung oleh kontraktor PSC di kawasan bersempadanan, TIN kontraktor yang diberikan untuk tujuan ACP 1967 hendaklah digunakan sebagai TIN Pembeli.</p>                                                                                                                                                                                           |

| Bil. | Soalan                                                                                                                                                | Maklum Balas                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 4.   | Adakah e-Invois diperlukan untuk transaksi lejar ( <i>inter-ledger transactions</i> ) antara PSC dan operator PSC (contohnya, caj ke belakang)?       | LHDNM mengambil maklum akan cabaran dalam mengeluarkan e-Invois bagi transaksi lejar yang berkaitan dengan operasi petroleum antara PSC dan operator PSC. Sehubungan itu, transaksi lejar yang melibatkan operasi petroleum dikecualikan daripada e-Invois sehingga dimaklumkan kelak.                                                                                                                                                                                          |
| 5.   | Apakah ketetapan e-Invois sekiranya kontraktor PSC melakukan penjualan minyak mentah melalui ejen?                                                    | <p>Amalan pengeluaran invois sedia ada masih terpakai selepas pelaksanaan e-Invois.</p> <p>Sebagai contoh, jika kontraktor menjual produk petroleum kepada ejen dan ejen tersebut seterusnya menjual produk berkenaan kepada pembeli, maka kontraktor hendaklah mengeluarkan e-Invois kepada ejen manakala ejen hendaklah mengeluarkan e-Invois kepada pembeli.</p>                                                                                                             |
| 6.   | Adakah operator PSC dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois bagi pihak kontraktor di bawah Perjanjian Jualan Gas Huluhan selepas pelaksanaan e-Invois? | <p>Operator PSC dibenarkan mengeluarkan e-Invois bagi pihak kontraktor untuk penjualan gas di bawah Perjanjian Jualan Gas Huluhan, selaras dengan amalan pengeluaran invois semasa. Untuk tujuan pengeluaran e-Invois, butiran kontraktor hendaklah digunakan sebagai butiran Penjual.</p> <p>Sila ambil perhatian bahawa e-Invois hanya akan dipaparkan dalam Portal MyInvois kontraktor masing-masing selepas pengesahan (iaitu, tidak dipaparkan dalam portal Operator).</p> |
| 7.   | Apakah layanan e-Invois untuk bayaran tambahan (contohnya, kenaikan harga asas dalam setiap ulang tahun pengeluaran)?                                 | <p>Amalan pengeluaran invois sedia ada masih terpakai selepas pelaksanaan e-Invois.</p> <p>Sila ambil perhatian bahawa untuk sebarang pelarasan kenaikan atau penurunan hendaklah dilakukan melalui pengeluaran e-Invois nota debit atau nota kredit.</p>                                                                                                                                                                                                                       |

| Bil. | Soalan                                                                                                                                        | Maklum Balas                                                                                                                                                                         |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 8.   | Adakah permintaan dana tunai ( <i>cash call</i> ) dan bil kepentingan bersama ( <i>joint interest billing</i> ) termasuk dalam skop e-Invois? | Memandangkan permintaan dana tunai ( <i>cash call</i> ) dan bil kepentingan bersama ( <i>joint interest billing</i> ) merupakan kaedah penyelesaian, maka e-Invois tidak diperlukan. |